
Title	Hak/tanggung jawab suami - isteri
Author(s)	Muhammad Ariff bin Ahmad

Copyright © 1994 Muhammad Ariff bin Ahmad

Hak/Tanggung jawab Suami - Isteri

[Hak ialah sesuatu yang boleh dituntut seseorang daripada mitranya, manakala tanggung jawab pula ialah sesuatu yang wajib diberikan seseorang kepada mitranya. Maka segala tanggung jawab suami adalah hak yang boleh dituntut isteri, dan tanggung jawab isteri pula adalah hak yang wajib diberikan kepada suami].

7.2 tanggung jawab suami

Antara kewajipan (tanggung jawab) suami terhadap isteri ialah:

- (1) *memberi nafkah* [termasuk makan minum, pakai patut dan tempat tinggal yang sesuai] kepada isteri; makan minum itu termasuk biaya perubatan;
- (2) *melayan isteri* dengan penuh sopan santun dan ramah mesra, dengan rasa kasih sayang, timbang rasa, simpati dan belas kesihan;
- (3) *tidak melakukan* sebarang perbuatan yang boleh mengganggu perasaan isteri [misalnya: meninggalkan isteri keseorangan hingga jauh malam; lambat atau tidak pulang ke rumah tanpa sebab yang munasabah];
- (4) *menunjuk ajar* isteri dalam perkara-perkara kebajikan [misalnya: menggalakkan isteri belajar agama dan menghayati kehidupan secara Islam];
- (5) *membenarkan (mengizinkan) isteri* menziarahi keluarga, saudara mara dan sahabat handai pada masa-masa yang perlu dan kerana sebab-sebab yang munasabah];
- (6) *tidak menghina* atau *memandang rendah* akan isteri [terutama di depan orang lain];
- (7) *tidak menjatuhkan* maruah atau air muka isteri; tidak mencederakan anggota atau merosakkan harta benda kepunyaan isteri;
- (8) *tidak menceritakan* kelemahan atau keburukan isteri kepada sebarang orang [apalagi kepada ibu bapa dan adik beradiknya sendiri].

7.3 tanggung jawab isteri

Antara kewajipan (tanggung jawab) isteri terhadap suami ialah:

- (1) *taat* dan *melayani* suami dengan cara yang sebaik-baiknya - dengan jujur, ikhlas dan semata-mata kerana Allah [dalam lingkungan yang diharuskan agama];
- (2) *menjaga* dan *mengekalkan* kebersihan diri dan rumah tangga [apabila datang waktunya, kebersihan anak-anak juga harus dijaga];
- (3) *menjaga* dan *mengawal* rahsia rumah tangga [terutama yang berhubung dengan perhubungan suami isteri]; jangan sampai ke pengetahuan orang lain;
- (4) *tidak memberatkan suami* dengan tuntutan-tuntutan yang tidak munasabah sehingga suami tidak mampu untuk mengadakannya;
- (5) *tidak menyusahkan suami* dengan perkara-perkara remeh yang boleh diselesaikan sendiri, tetapi tidak *bersembunyi-sembunyi* atau *berselit sepit* sehingga melakukan sesuatu di luar pengetahuan suaminya [walaupun untuk suatu kebaikan];
- (6) *ikhlas* dan *bersungguh-sungguh* menjaga dan memelihara rumah tangga, anak-anak dan harta benda suami;
- (7) *tidak membenarkan* sebarang orang [terutama lelaki] masuk ke rumah tanpa izin suaminya atau pun dalam masa suaminya tidak ada di rumah;
- (8) *bersimpati* terhadap kesusahan/kesulitan yang dihadapi suami; jika mampu bantu suami menyelesaikan masalahnya dengan apa yang terdaya.

[Sebaik sahaja suami isteri itu dijabkalkan, secara automatik masuklah 4 orang lagi menjadi keluarga suami isteri itu, iaitu ibu bapa kepada isteri dan ibu bapa kepada suami. Dalam susunan *pokok keluarga* mereka itu disebut **ibu bapa mentua**. Maka secara automatik pula kedua-dua suami isteri itu mempunyai tanggung jawab terhadap kedua-dua pasangan ibu bapa mentuanya itu.

Serentak dengan kemasukan ibu bapa mentua itu masuklah juga adik beradik kedua-dua suami isteri itu menjadi keluarga mereka. Kumpulan ini disebut **ipar-duai** atau **ipar-lamai**. Anak-anak dan kemudiannya cucu cicit si ipar-duai itu pun menjadi anak buah dan kerabat kepada pasangan suami isteri yang baru dijabkalkan tadi.]

7.4 tanggung jawab terhadap mentua

Bergaul dengan ibu bapa mentua, menantu harus bijaksana. Antaranya, menantu [lebih-lebih lagi menantu perempuan terhadap ibu mantuanya] patutlah:

- (1) *menghormati mentuanya* sama seperti dia menghormati ibu bapanya sendiri; yakni menganggap mentua sama seperti ibu bapa sendiri; dengar nasihatnya dan berikan taat kasih kepada mentua sama seperti yang diberikan kepada ibu bapanya sendiri.
- (2) *tunjukkan minat* terhadap saranan mentua; *tidak membantah* saranan itu, jika tidak bersetuju akan saranan itu gunakan kebijaksanaan meresponnya [pakai kaedah *ular biar mati, tanah jangan lekuk, buluh jangan pokok*];
- (3) *tidak bermasam muka* ketika bergaul dengan mentua; seliranya pada waktu itu perasaan sedang tidak aman sekali pun, *maniskanlah muka*;
- (4) *tidak menampakkan masalah* yang sedang dihadapi ketika bergaul dengan mentua; malah menantu patutlah sentiasa *memunjukkan kesediaannya hendak membantu* mentua menyelesaikan masalahnya [jika ada];
- (5) *tidak melakukan* sesuatu yang boleh *menyinggung perasaan* atau *menimbulkan salah sangka* mentua terhadap perilaku menantu;
- (6) *tidak bakhil* terhadap ibu bapa mentua;
- (7) *sabar dan mengalah* [mengalah tidak bererti 'kalah'].

7.5 tanggung jawab kepada ipar-duai

Sekurang-kurangnya tanggung jawab terhadap ipar-duai dan anak-anaknya ialah:

- (1) *hormat* kepada ipar-duai yang tua seperti hormat kepada abang dan kakak sendiri, dan *kasih sayang* kepada ipar-duai yang muda seperti mengasihi adik-adik sendiri;
- (2) *layan* ipar-duai itu dengan adil, saksama dan timbang rasa, setara seperti melayan saudara (adik beradik) sendiri kerana ipar-duai itu termasuk kategori *saudara* [ada 4 kategori *saudara* menurut Islam dan Budaya Melayu, iaitu *saudara sedarah, saudara susuan, saudara semenda* dan *saudara angkat*];
- (3) *berbuat baik* kepada ipar-duai selaras dengan yang diajarkan peribahasa *berbuat baik berpada-pada, berbuat jahat jangan sekali*;
- (4) *bantu* ipar-duai menyelesaikan masalahnya secara wajar dengan tulus ikhlas apabila mereka memerlukan bantuan;
- (5) *layan* anak-anak si ipar-duai dengan wajar, jangan bezakan dengan pelayanan terhadap *anak-anak saudara kandung* (saudara sedarah) sendiri;
- (6) atas nama keluarga, sentiasalah *prihatin* dan *ambil peduli* sedapat mungkin akan perkara-perkara yang menyangkut atau membabitkan kesejahteraan keluarga besarnya - termasuk ipar-duai dan anak buahnya;
- (7) dengan cukup bijaksana, sedapat mungkin *pelihara nama baik dan selamatkan* keluarga besar itu [daripada sebarang kemungkaran] dengan tunjuk ajar dan tegur nasihat yang dapat diterima.

§ strategi lima: Setelah memiliki ilmu berumah tangga yang tersebut itu sepenuhnya, setelah mempunyai kemampuan modal yang memadai sebagai bekal mengembarai dunia 'rumah tangga', setelah berasa sanggup bertanggung jawab dan adil dalam segala perkara terhadap semua pihak yang berkenaan, maka dengan ucapan *bismillah ir-Rahman ir-Rahim*, mulakanlah tindakan:

- (1) pilih seorang antara gadis-gadis yang sudah ada di dalam perhatian anda untuk dijadikan calon isteri [kriteria yang dinyatakan dalam fasal 5 makalah ini bolehlah dijadikan panduan memilih];
- (2) jangan terlalu ketat, memadai apabila gadis itu memiliki 70% daripada syarat yang tersebut [*manalah ada gading yang tak retak*]; kekurangan yang 30% lagi itu bolehlah dibentuk suami selama menjalani hayat berumah tangga kelak;
- (3) jika pilihan bercelaru atau ragu-ragu hendak menentukan satu pilihan, dirikanlah sembahyang istiharah mohon petunjuk Allah untuk menetapkan pilihan itu;
- (4) rundingkanlah dengan ibu bapa akan pilihan itu; serahkanlah pengurusan yang lain - melamar, mengaturkan hal-hal yang berkaitan dengan pertunangan, pernikahan dan walimatul-urus - kepada ibu bapa;
- (5) gunakan masa bertunang [jika anda bertunang sementara menunggu waktu nikah] dengan sebaik-baiknya kerana dalam masa bertunang itu - biasanya - banyak sekali ujian Allah dan godaan syaitan; tidak sedikit mereka yang tewas oleh godaan itu dalam masa bertunang; dan ketewasan itu mencacatkan rumah tangga yang dibina walaupun dengan niat yang baik..

Mudah-mudahan *kalau pandai meniti buih selamatlah awak sampai ke seberang!*
Selamat Bertindak menurut jalan Allah; *saiiki ngenteni opo, sisuk ngenteni opo?..*